



# MSM LABUR RM1.1 BILION BINA KILANG BAHARU DI JOHOR

» Pengeluar gula negara komited tembusi pasaran Asia Barat, Singapura

Oleh Errah Amran  
bhbiz@bh.com.my

**M**SM Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula terbesar negara, akan melabur RM1.1 bilion bagi membina kilang penapis gula baharu di Tanjung Langsat, Johor bagi menampung keperluan pasaran tempatan dan antarabangsa.

Ketua Pegawai Operasinya, Jason Hendroff, berkata pembinaan kilang berkenaan masih pada peringkat permulaan dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung 2017.

Katanya, pembinaan kilang baharu itu bakal membuka peluang kepada syarikat untuk menembusi pasaran Asia Barat dan Singapura

berikutan kilang terbabit bakal dilengkapi kemudahan mesin teknikal terkini bagi meningkatkan kecekapan operasi pengeluaran.

### Dieksport ke 10 negara

“Setakat ini, produk gula halus bertapis syarikat dieksport ke 10 negara antaranya New Zealand, Australia dan China. Kami turut membuka hab perdagangan baharu di Dubai yang akan memulakan operasi bulan hadapan bagi meningkatkan ruang dan peluang kerjasama di sana,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi lawatan media ke kilang penapisan gula MSM Prai Bhd di Seberang Prai, semalam. Yang turut hadir Timbalan Pengurus Besar MSM Prai, Zahari Ishak.

Hendroff berkata, MSM Prai muncul sebagai penyumbang terbesar dengan membekalkan lebih 900,000 tan daripada jumlah keseluruhan 1.25 juta tan gula berta-

pis yang dikeluarkan syarikat itu setiap tahun.

Sehubungan itu, katanya, kilang penapisan gula MSM Prai yang kini hanya memiliki kemudahan pengeluaran seluas 77,000 kaki persegi, perlu dinaik taraf membabitkan peruntukan lebih RM100 juta.

“Keluasan kilang yang terhad menyebabkan kami tidak punya pilihan, melainkan menaik taraf kelengkapan sedia ada.

“Kami juga akan menambah beberapa mesin baharu bagi memastikan pengeluaran gula lebih lancar dan sistematik.

“Selain itu, gudang di Sungai Buloh turut dinaik taraf di bawah peruntukan yang sama dan kedua-dua projek ini dijangka dijangka siap sepenuhnya pada 2018,” katanya.



Hendroff (kiri) dan Zahari menunjukkan gula mentah yang masih belum diproses ketika melawat kilang MSM di Seberang Prai, semalam.

[ FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL / BH ]

**RM100** juta

peruntukan naik taraf kilang MSM Prai